



# KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

## **BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016 PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN 2016**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI  
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN  
AKTIVITI/KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI  
BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

1. Seperti mana tahun sebelum, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tahun 2016 dibentangkan secara bersiri sebanyak 2 kali. LKAN Siri 1 dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017 (Isnin) setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ianya meliputi Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2016 Siri 1, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2016 Siri 1, dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 Siri 1.

2. Pada hari pembentangan LKAN, Jabatan Audit Negara juga akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di Parlimen.
3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan**

- a) Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab mengesahkan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan telah disediakan secara teratur mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai dan memberi gambaran yang benar tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2016 serta hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Dengan kerjasama daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara untuk kedua kalinya dapat membentangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan sebelum YAB Menteri Kewangan membentangkan Bajet 2018.

#### **b) Prestasi Kutipan Hasil Kerajaan Persekutuan**

Kutipan hasil menunjukkan trend peningkatan antara tahun 2012 hingga 2014 dan seterusnya menunjukkan trend penurunan sehingga tahun 2016. Pada tahun 2016, hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM212.421 bilion berbanding dengan tahun 2015 yang berjumlah RM219.089 bilion. Kutipan Cukai Pendapatan Individu menunjukkan

peningkatan sejumlah RM1.245 bilion (4.7%). Selain itu, Cukai Barangan dan Perkhidmatan Import dan Tempatan meningkat sejumlah RM14.194 bilion (52.5%) manakala pulangan balik perbelanjaan juga meningkat sejumlah RM825 juta (65.2%). Bagaimanapun, pengurangan Cukai Pendapatan Petroleum sejumlah RM3.137 bilion (27.1%), Royalti Petroleum sejumlah RM1.481 bilion (28.8%) serta Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan sejumlah RM11.413 bilion (34.8%) menyumbang kepada pengurangan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016. Kejatuhan harga minyak mentah dunia memberi kesan yang besar kepada kutipan hasil.

### **3.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)**

- a) Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan penilaian terhadap pengurusan kewangan sektor awam berdasarkan Sistem Penarafan berasaskan kepada Indeks Akauntabiliti (IA). Ia dilaksanakan bertujuan untuk menilai sejauh mana pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Badan Berkanun Persekutuan/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan Kerajaan. Aspek yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah/Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Kenderaan, Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan.
- b) Penarafan tahap prestasi pengurusan kewangan (IA) dilaksanakan mengikut 3 kategori iaitu Pengauditan Secara Tahunan, Pengauditan Secara Pusingan dan Pengauditan Secara *Across the Board*. Sebanyak 25 Kementerian, 18 Jabatan Persekutuan, 38 Badan Berkanun Persekutuan, 138 Kementerian/Jabatan Negeri, 41 Badan Berkanun Negeri, 41

Pihak Berkuasa Tempatan dan 6 Majlis Agama Islam telah diaudit dalam tahun 2016.

- c) Secara keseluruhannya, di peringkat Kerajaan Persekutuan didapati tahap prestasi pengurusan kewangan bagi Kementerian adalah Cemerlang di mana 25 Kementerian memperolehi penarafan **CEMERLANG (5 Bintang)** berbanding dengan 16 Kementerian pada tahun 2015. Penarafan bagi Kementerian, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Kementerian/Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

Bil.	AGENSI	BILANGAN	PENARAFAN BINTANG				
			5	4	3	2	1
<b>PERSEKUTUAN</b>							
1.	Kementerian	25	25	-	-	-	-
2.	Jabatan	18	16	2	-	-	-
3.	Badan Berkanun Persekutuan	38	16	19	3	-	-
<b>NEGERI</b>							
1.	Kementerian/ Jabatan	138	81	35	18	4	-
2.	Badan Berkanun Negeri	41	17	16	2	4	2
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	41	29	10	2	-	-
4.	Majlis Agama Islam	6	3	2	1	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>307</b>	<b>187</b>	<b>84</b>	<b>26</b>	<b>8</b>	<b>2</b>

### 3.3. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan di Peringkat Persekutuan dan Negeri

- a) Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti

dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.

- b) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 ini, sebanyak 63 pengauditan prestasi dan 21 pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan, hasil dan pengurusan syarikat.
4. Sebagaimana lazim, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 2 syor terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016, 90 syor terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan, 17 syor terhadap Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan 244 syor terhadap pengurusan aktiviti/kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
  5. Kementerian Kewangan Malaysia juga telah mengeluarkan Laporan Maklum Balas mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 yang memberikan ulasan/tindakan terkini daripada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan terhadap isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara.
  6. Kandungan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2016 Siri 1, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2016 Siri 1 dan Laporan Ketua Audit

Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/ Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 Siri 1 berserta sinopsisnya boleh dilayari di Laman Web Jabatan Audit Negara di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 31 Julai 2017 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [Warkah Untuk Ketua Audit Negara](#). Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut serta Laporan Maklum Balas oleh Kementerian Kewangan Malaysia turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Jawatankuasa 2, Bangunan Parlimen. Laporan-laporan ini hendaklah dibaca bersama untuk mendapatkan kedudukan terkini isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara.

7. Satu sesi bersama media mengenai Laporan Ketua Audit Negara ini juga akan diadakan pada 3 Ogos 2017 (Khamis) di Auditorium Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya pada jam 12.00 tengahari. Sesi ini akan dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara dan juga Ketua-ketua Setiausaha Kementerian. Pihak media juga dijemput hadir ke sesi tersebut.

Ketua Audit Negara  
Malaysia

31 Julai 2017